

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
(SUNGAI BULOH)**

SOALAN

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk jumlah pekerja asing yang tidak berdaftar (PATI) apakah anggaran Kerajaan jumlah mereka di negara mengikut pecahan sektor bekerja dan kewarganegaraan dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan golongan besar ini diputihkan dan didokumentasikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menetapkan supaya semua pekerja asing yang bekerja di Malaysia untuk mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah selaras dengan Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Pekerja asing dibenarkan bekerja di sektor Perkilangan, Pembinaan, Perladangan, Perkhidmatan, Pertanian serta Perlombongan dan Kuari di bawah kelulusan kuota yang ditetapkan.

Pekerja asing yang tidak memenuhi syarat-syarat pas dan melakukan sebarang kesalahan imigresen bertentangan dengan peruntukan Akta Imigresen 1959/63 adalah dikategorikan sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Pada masa ini, pihak Kementerian tiada maklumat berhubung statistik mutlak jumlah PATI di negara ini memandangkan semua warganegara asing yang masuk melalui pintu masuk yang diwartakan adalah mereka yang mematuhi syarat-syarat imigresen yang ditetapkan.

SOALAN NO : 439

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui JIM sentiasa komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah PATI di negara ini.

Berdasarkan kepada pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan melibatkan premis-premis perniagaan ataupun perusahaan, pada tahun 2018 sebanyak 7,216 operasi telah dilaksanakan dengan tangkapan seramai 28,930 orang PATI berserta 1,211 orang majikan. Pada tahun 2019 pula sebanyak 8,512 operasi telah dilaksanakan dengan tangkapan seramai 27,960 orang PATI berserta 903 orang majikan. Manakala pada tahun 2020 iaitu setakat 15 Oktober 2020, sebanyak 2,780 operasi telah dilaksanakan dengan tangkapan seramai 10,840 orang PATI berserta 278 orang majikan.

Kesemua tangkapan ini melibatkan premis perniagaan seperti kedai / premis perniagaan, restoran / kedai makan, rumah kongsi / tapak pembinaan, rumah urut / pusat hiburan / perjudian, pasar, kilang, tempat cuci kenderaan dan pegawai keselamatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jemaah Menteri telah meluluskan suatu dasar mengenai pelaksanaan program khas yang mensasarkan PATI di dalam negara yang sedang diperhalusi sebelum dilaksanakan pada tahun hadapan. Program khas ini akan dilaksanakan dengan syarat-syarat yang ketat dan terperinci untuk mengisi beberapa sektor pekerjaan yang kritikal bagi merencanakan semula ekonomi negara tanpa menafikan dasar memberikan keutamaan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu. Pelaksanaan sepenuhnya program khas ini akan dimaklumkan dalam masa yang terdekat.